

Penjawat awam digesa beri perkhidmatan terbaik

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali menyeru semua penjawat awam bersama-sama berganding bahu memberikan perkhidmatan terbaik dalam norma baharu, bagi mengembalikan semula kegemilangan negara demi kesejahteraan rakyat.

Mohd Zuki dalam satu kenyataan juga, mengucapkan terima kasih atas beberapa insentif untuk penjawat awam seperti diumumkan dalam Belanjawan 2021, yang disifatkannya sebagai pengiktirafan dan penghargaan kerajaan.

“Ia adalah satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan buat perkhidmatan awam dan penjawat awam, bukan sahaja barisan hadapan tetapi juga keseluruhan penjawat awam, yang telah memainkan peranan penting bukan sahaja untuk memutuskan rantaian COVID-19 tetapi juga merencanakan semula pertumbuhan ekonomi yang terjejas akibat pandemik ini,” katanya, semalam.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dalam pembentangan belanjawan

mengumumkan bantuan khas kewangan sebanyak RM600 untuk kakitangan awam Gred 56 dan ke bawah, manakala bagi pesara kerajaan dan veteran tidak berpencen pula bantuan khas kewangan RM300, kedua-duanya akan dibayar pada awal 2021.

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan pemberian ‘one-off’ sebanyak RM500 yang akan memanfaatkan 100,000 petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menghargai jasa mereka.

BERNAMA